

ISTIADAT2 PERBARISAN HARI JADI D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Lebih 5,000 orang penduduk2 dan ra'ayat Negeri Brunei telah mengambil bahagian dan menyaksikan "upacara perbarisan kehormatan di-raja" di-padang besar di-sini kerana menyambut dergahayu Duli Yang Maha Mulia Sultan Sir Omar Ali Saifuddin yang ke-45 pada pukul 7.30 23 September yang lalu.

Upacara perbarisan itu telah di-ambil bahagian oleh pasokan2 Pulis, Pencharagam Pulis, Pegawai2 Kastam, Pegawai2 Jabatan Laut, Pandu Puteri, Palang Merah dan Pengakap.

Murid2 sekolah, maktab2, pegawai2 Kerajaan telah juga hadir menyaksikan upacara tersebut sa-lain daripada Duli2 Yang Teramat Mulia Pengiran Bendahara dan Pengiran Pemancha, Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei Yang Terutama Tuan D.C. White, Menteri Besar Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Maun dan isteri, Ahli2 Majelis Meshuarat Negeri.

Pukul 7.30 pagi tempat perbarisan telah di-banjiri oleh penduduk2 negeri untuk mengambil bahagian dan menyaksikan upacara itu sa-lain yang menyaksikan di-atas bangunan yang berdekatan dengan padang perbarisan.

Duli Yang Maha Mulia dengan berpakaian kebesaran di-raja — tampan dan gagah — di-iringi oleh juruiring2, Setia Usaha Sulit baginda, peme-

gang payong dan dua orang penglima telah tiba di-padang perbarisan pada pukul 8.05.

Baginda di-sambut dengan tabek kehormatan di-raja sa-baik sahaja sampai di-atas pentas, dan sa-iring dengan itu "lagu kebangsaan Brunei" di-bunyikan.

Sa-telah itu Duli Yang Maha Mulia di-junjong memeriksa perbarisan kehormatan sambil itu "lagu berjalan" di-bunyikan oleh pasokan Pencharagam Pulis.

Sa-banyak tiga kali tembakan senapang, dua puluh satu das meriam telah di-tembakkan dan tiga kali sorak oleh pemerintah barisan sa-baik sahaja baginda berada sa-mula di-pentas sa-telah selesai memeriksa barisan kehormatan, dan akhir-nya tabek kehormatan di-raja.

Selesai sahaja tembakan meriam dan tabek kehormatan itu, pasokan2 perbarisan telah berjalan melalui di-hadapan pentas di-raja sambil memberi tabek kehormatan yang terakhir kepada Duli yang Maha Mulia. Kemudian pasokan2 perbarisan itu balek sa-mula ka-tempat perbarisan.

Akhir-nya tabek kehormatan di-raja dan lagu kebangsaan di-bunyikan. Duli Yang Maha Mulia, Duli2 Wazir, Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Menteri Besar dan pembesar2 Brunei meninggalkan padang perbarisan.

Sa-belum itu Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Maun dan isterinya Datin Zubaidah telah sampai di-padang perbarisan pada pukul 7.50 dan di-beri tabek kehormatan.

Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Tuan D.C. White sa-bagai wakil Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen telah juga mendapat tabek kehormatan di-raja dan sa-iring dengan itu lagu kebangsaan

Inggeris di-bunyikan sa-baik sahaja ketibaan beliau di-pentas pada pukul 8.00 pagi itu.

Upacara2 perbarisan yang sa-akan2 sama seperti yang di-adakan di-Bandar Brunei telah juga di-adakan di-Kuala Belait pada petang 23 September; di-Pekan Tutong dan di-Pekan Bangar, Temburong pada kasesokan hari-nya.

KURNIAAN D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah mengurniakan Darjah Kehormatan Brunei yang tinggi sa-kali ia-itu Darjah Kerabat kepada dua orang Sultan2 di-Persekutuan Tanah Melayu.

Duli2 Yang Maha Mulia tersebut ia-lah:

Duli Yang Maha Mulia Tengku Yahya Putera ibni Al-merhom Sultan Ibrahim, Sultan Kelantan.

Duli Yang Maha Mulia Tuanku Munawir ibni Al-merhom Tuanku Abdul Rahman, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris, Wazir2, Menteri Besar Brunei dan lain2-nya kelihatan di-atas sebuah pentas khas di-padang Bandar Brunei pada masa di-langsungkan istiadat perbarisan menyambut Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia pada 23 September, 1961.

Menteri Besar Melawat Daerah2

KUALA BELAIT. — Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei Dato Setia Marsal bin Ma'un telah melawat dengan sa-chara rasmi ka-Daerah Belait pada 26 September yang lalu.

Beliau telah di-sambut ketika tiba di-bangunan Pejabat2 Kerajaan Kuala Belait oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Inche Abdul Ghani bin Hassan.

Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal juga telah melawat sa-chara rasmi ka-Daerah2 Tutong dan Temburong baharu2 ini.

Beliau telah di-sambut ketika tiba di-Pejabat2 Kerajaan Tutong oleh Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Abu Bakar, Pegawai Daerah Tutong dan di-Pekan Bangar, Temburong oleh Inche Ajmain bin Abdul Razak, Pegawai Daerah Temburong.

TARIKH PILEHAN RAYA

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia telah menegaskan bahawa tarikh "pilehan raya" yang akan datang ia-lah tidak lewat dari bulan October, 1962.

Pengundoran tarikh itu bukan-lah bererti Kerajaan akan meniadakan "pilehan raya" itu, tetapi sa-benar-nya ia-lah di-sebabkan sa-suatu yang tidak dapat di-clakkan.

Bertitah dalam Istiadat Mengadap di-Pasiban Agong, Istana Darul Hana kerana menyambut dergahayu Duli Yang Maha Mulia pada 23 September lepas, baginda berharap ra'ayat sakalian akan bersedia menunggu tarikh "pilehan raya" yang di-undorkan itu — kerana dalam perkara itu sa-belum di-jalankan apa2 tindakan mesti-lah bersabar dan mengingati kata hikmat yang telah di-tuturkan oleh orang tua2 "biar lambat asalkan selamat".

Duli Yang Maha Mulia telah mengulang kaji mengenai penu-

ranchangan kemajuan yang baharu, usaha2 mengatasi kesulitan2, penegasan ugama dengan manusia dan perkembangan ugama rasmi di-Brunei, usaha2 dalam lapangan umum dan lain2.

Sa-lain dari itu Duli Yang Maha Mulia juga telah mengemukakan lantikan Menteri Besar yang baharu dan mengucapkan tahniah atas lantikan itu. Baginda berharap Menteri Besar itu akan melaksanakan pentadbiran negeri ka-arrah kebaikan.

(Titah Duli Yang Maha Mulia sa-penoh-nya di-muka 6)

UCHAPAN MENTERI BESAR BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Setia Marsal bin Ma'un telah menyatakan "sumpah ta'at setia" beliau sa-bagai pemegang tampok pentadbiran Negeri Brunei yang telah di-sandangkan kepada beliau oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Sumpah ta'at setia itu telah di-lafadzkan oleh Yang Amat Berhormat itu dalam ucapan persembahannya pada hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia yang ke-45 di-Pasiban Agong Istana Darul Hana pada 23 September yang lalu.

Dato Setia Marsal telah juga menegaskan tentang kebijaksanaan Duli Yang Maha Mulia dalam mentadbirkan negeri ini, walau pun baginda sa-orang sultan yang maseh di-katakan muda belia dalam pemikiran umur tetapi tua dalam segi pengalaman dan perasaan hidup.

"Kebijaksanaan yang telah Duli Yang Maha Mulia tunjukkan dan lakukan itu bukan hanya telah di-ketahui dan telah di-rasai oleh ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Tuanku di-Negeri Brunei ini bahkan juga juga patak berchaya sa-bahagian daripada dunia luar telah mengenal akan kebijaksanaan pentadbiran Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang sentiasa menunjukkan keadilan dan mengenal hal kemajuan negara Duli Yang Maha Mulia Tuanku di-Brunei Darul Salam ini," kata beliau.

KEBIJAKSANAAN

Menteri Besar itu juga menyatakan bahawa perhatian dan kegiatan Duli Yang Maha Mulia dalam lapangan pelajaran negara, hal2 kebajikan masyarakat negara, hal2 perekonomian yang telah dapat di-saksikan oleh seluruh ra'ayat di-negeri ini, bukan-lah merupakan satu bayangan sahaja bahkan beliau percaya, ini, ada-lah telah menjadi bukti yang menunjukkan hal kebijaksanaan pentadbiran di-Negeri Brunei ini.

Beliau berkata :

"Dalam segi pelajaran, hal ini memang telah nampak di-ketahui yang Duli Yang Maha Mulia Tuanku sangant2 mengambil berat dalam hal pendidekan dan pelajaran untuk memajukan taraf kemajuan pelajaran ra'ayat Duli Yang Maha Tuanku."

Sa-lanjut-nya ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu, ada-lah seperti berikut :

"Dalam segi masyarakat memang-lah tidak dapat di-nafikan yang Duli Yang Maha Mulia Tuanku sangat-lah mengambil berat dalam hal nasib dan kehidupan ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Tuanku sa-hingga baharu2 ini Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah melantek khas sa-orang Pegawai Kebajikan Masyarakat Negara untuk memelihara dan menyelenggarakan maksud dan menggiatkan tenaga ka-arrah lapangan masyarakat yang sempurna.

EKONOMI

"Dalam segi ekonomi, sunggoh pun usaha2 yang sa-demikian ini belum nampak dan di-rasai oleh ra'ayat, tetapi patak sa-bagai ketua pentadbiran dalam negeri ini dapat menga-kui yang Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa mengambil berat akan hal kemajuan ekonomi di-negeri ini sa-bagai bukti yang nyata sa-orang pakar ekonomi dari Bangsa2 Bersatu telah di-datangkan ka-Brunei untuk memberi pimpinan dan petunjuk jalan supaya memberi kerajaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku berjaya dalam rancangan kemajuan ekonomi negara yang sedang di-usahkan.

"Kegiatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku bukan hanya sa-takat pelajaran, masyarakat dan ekonomi dan hal yang lain, tetapi Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga ada-lah sangat2

mengambil berat dalam hal2 perkembangan dan kemajuan agama, terutama sa-kali agama Islam yang maha suci agama sa-tiap manusia yang hidup di-dunia ini ada-lah menjadi asas hidup tiap2 manusia.

"Dalam mengalu2kan dan mempersembahkan kata persembahan dan kesukoran di-hari puja usia Duli Yang Maha Mulia Tuanku ini patak tidak-lah hanya hendak menyembahkan hal kemajuan yang telah di-dapati dalam pentadbiran sa-lama Duli Yang Maha Mulia Tuanku memegang tajok pentadbiran dalam Negeri Brunei ini, tetapi apa yang patak hendak sembahkan ia-lah usaha2 yang telah Duli Yang Maha Mulia Tuanku perkenankan dalam hal perkembangan negara dan perkembangan pentadbiran negara.

KEMAJUAN

"Ini ada-lah satu bukti yang menunjukkan bahawa2nya Duli Yang Maha Mulia Tuanku melihat akan langkah kemajuan Brunei di-masa ini merupakan kacha mata teropong yang telah ada sedia di-sampaikan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk memberi kesempatan dan kebahagiaan yang akan mendatangkan fa'edah bagi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa ini dan pada masa yang akan datang.

"Sa-bagai Menteri Besar sejak Duli Yang Maha Mulia Tuanku mentadbir Negeri Brunei ini patak merasa dapat-lah patak mengatakan yang patak sentiasa mengikut gerak rancangan pentadbiran Duli Yang Maha


Mulia Tuanku yang mana patak percaya Duli Yang Maha Mulia Tuanku sa-lama bertakhta di-atas singgahsana kerajaan sentiasa mengalami berbagai2 kesulitan baik dalam segi kesulitan hidup mahu pun dengan segi pentadbiran dalam kerajaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, tetapi dapat-lah patak menyembahkan yang patak serta pegawai2 kerajaan dari seluruh Negeri Brunei dapat menyaksikan, sunggoh pun segala kesulitan2 ada, tetapi Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa tenang sabar dan berikhtiar dalam menghadapi berbagai2 kesulitan hidup dan pentadbiran dan malahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku terlalu memikirkan dan mengikhtikarkan ka-jalan kebaikan tetap berdiri sa-bagai pemimpin negara yang memang di-kehendaki oleh zaman kemajuan ini.

TA'ATSETIA

"Chita2 untuk kema'amoran dan keadilan yang Duli Yang Maha Mulia Tuanku dapat tunjukkan bukan-lah hanya kepada ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Tuanku tetapi juga malahan di-ketahui oleh negeri2 luar.

"Untuk sakalian ini patak sa-bagai Menteri Besar dan ketua pentadbir negeri tidak-lah dapat hendak mempersembahkan dengan kata2 biasa bagaimana hendak menyebut terima kasih atas budi kurnia Duli Yang Maha Mulia Tuanku, apa yang dapat patak sembahkan dihadapan majlis yang permai ini hanya-lah patak berdo'a ka-hadrat Allah Subhanau Wata'ala semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan sentiasa di-chukuri rahmat dan di-limpahi nikmat kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan untok ini tidak-lah ada apa yang berupa benda, dan tidak-lah ada sembah yang akan patak sembahkan, hanya-lah untok menjunjung segala2-nya itu akan patak sembahkan dengan sembah "sumpah ta'at setia" kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku."

Ka-Australia



Inche Suhaimi

BANDAR BRUNEI. — Inche Suhaimi bin Haji Ismail, Pegawai Pertanian Luar, Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ka-Australia sedikit hari dahulu untok menghadiri kursus pertanian mengenai biji2 benih tanaman, atas biasiswa Ranchangan Kolombo.

Beliau akan balek ka-Brunei dalam bulan January tahun hadapan.

Inche Suhaimi telah di-lahirkan di-Brunei dalam tahun 1920 dan lulus Darjah Lima di-Sekolah Melayu Pekan Brunei dan Darjah Empat di-Sekolah Inggeris Roman Katholik, Bandar Brunei.

Kerajaan Brunei telah menghantarkan beliau menuntut Ilmu Pertanian di-Serdang dan di-Pusat Penchubaaan Tanaman di-Melaka pada tahun 1940. Beliau lulus dalam pelajaran-nya itu sa-tahun kemudian.

Inche Suhaimi telah berkhidmat dalam pemerintahan Jepun sa-bagai Penasehat Pertanian Luar di-Melaka, Jasin, Alor Gajah, Ayer Molek, Sungai Udang dan di-beberapa tempat di-Malaya.

Beliau telah balek ka-Brunei dengan Tentera Jepun dalam tahun 1944 dan berkhidmat sa-bagai Penolong Pegawai Pertanian Melayu sa-tahun kemudian.

Semenjak tahun 1947 hingga ka-sa'at berangkat ka-Australia Inche Suhaimi telah berkhidmat dengan Jabatan Pertanian Negeri Brunei.

Inche Suhaimi telah menghadiri kursus Penolong Pertanian di-Sekolah Latehan Anggota2 Pertanian di-Kuching sa-lama enam bulan mulai bulan January tahun 1956.

KA-KUCHING

BANDAR BRUNEI. — Yang Terutama Tuan D.C. White, Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei telah berlepas ka-Kuching dengan kapal terbang pada pagi hari Khamis yang lalu untok mengambil bahagian dalam perundingan mengenai pertahanan dan keselamatan di-Persidangan Wilayah2 Borneo Kali Yang ka-14 di-sana.

Pesuruh Jaya Agong Tenggara Asia, Lord Selkirk telah memimpin persidangan tersebut.

Lawatan Guru2 Besar

BANDAR BRUNEI. — Dua puluh satu orang Guru2 Besar dan Penolong2 Guru Besar Sekolah2 Melayu di-Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Belait telah melawat ka-beberapa buah Sekolah Melayu di-Daerah2 Tutong dan Belait pada hari Khamis yang lalu, di-bawah anjoran Jabatan Pelajaran Negeri Brunei.

Ketua Nadzir Sekolah2 Melayu Negeri Brunei, Inche Mohamed Hussain bin Mohamed Yusof dan tiga orang Nadzir2 Sekolah2 Melayu, ia-itu Yang Berhormat Inche Shahbudin bin Salleh, Pemangku Nadzir Sekolah2 Melayu Temburong; Inche Daud bin Seruddin, Pemangku Nadzir Sekolah2 Melayu Tutong dan Yang Berhormat Pengiran Jadid bin Pengiran Nasaruddin, Nadzir Sekolah2 Melayu Daerah Belait telah juga melawat ka-Sekolah2 tersebut bersama2 dengan Guru2 Besar itu.

Sa-lain daripada itu mereka juga telah melawat ka-Pejabat2 Kerajaan di-Kuala Belait dan ka-Studio Radio Brunei di-Kuala Belait.

Menurut keterangan Ketua Nadzir Sekolah2 Melayu tujuan lawatan tersebut ia-lah untok memberi peluang kepada Guru2 Besar dan Penolong2 Guru Besar itu menyaksikan keadaan sekolah2 yang di-lawati itu dan juga lain2 perkara yang dapat memberi faedah kepada para pelawat tersebut.

Mereka telah melawat ka-Sekolah Melayu Kupang ia-lah kerana menyaksikan kebersehan, taman dan padang sekolah yang baik. Guru Besar sekolah itu ia-lah Chegu Ibrahim bin Mohamed Yassin.

MELAWAT SEKOLAH2

Mereka telah melawat ka-Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong ia-lah kerana kedudukan sekolah itu ada-lah baik. Pemangku Guru Besar sekolah itu ia-lah Chegu Abdul Hamid bin P.H. Bakar.

Mereka telah melawat ka-Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria ia-lah kerana peratoran luar dan dalam sekolah itu baik belaka. Guru Besar sekolah itu ia-lah Y.B. Inche Taha bin Abd. Rahman.

Sa-masa lawatan ka-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait mereka telah menyaksikan senaman ramai oleh 200 orang murid2 sekolah itu yang telah memakai baju puteh dan seluar merah.

KURNIA D.Y.M.M. SULTAN PADA HARI JADI BAGINDA

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah mengurniakan Darjah Kehormatan serta Pingat2 kepada 65 orang sa-bagai menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda Yang Ka-45 p a d a 23 September yang lalu.

Dua orang Sultan telah di-anugerahkan Darjah Kehormatan Negeri Brunei yang tinggi sa-kali ia-itu Darjah Kerabat. Sa-orang doktor dari Persekutuan Tanah Melayu yang berkhidmat dengan Kerajaan Brunei di-anugerahkan Pingat Setia Negara Brunei, empat orang termasuk Menteri Besar dan Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei di-anugerahkan Pingat Sultan Omar Ali Saifuddin Darjah Utama, 18 orang di-anugerahkan Pingat Sultan Omar Ali Saifuddin Darjah Kedua, 14 orang di-anugerahkan Pingat Jasa Kebaktian Negeri Brunei dan 26 orang di-anugerahkan Pingat Lama Berkhidmat.

Duli2 Yang Maha Mulia Sultan yang di-anugerahkan Darjah Kehormatan tersebut ada-lah di-siarkan di-muka pertama PELITA BRUNEI keluaran ini dan yang lain2-nya ia-lah:

Pingat Setia Negara Brunei—Doktor Abdul Wahab bin Mohamed Ariff, Pegawai Perubatan Negara, Brunei.

Pingat Sultan Omar Ali Saifuddin Darjah Utama — Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Menteri Besar Brunei; Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, Pengetua, Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei; Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kamaluddin ibni Al-marhum Duli Pengiran Bendahara Haji Mohamed Yassin, Setia Usaha, Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei.

P.O.A.S. DARJAH KE-2

Pingat Sultan Omar Ali Saifuddin Darjah Kedua — Inche M.V. Singham, Inche Abu Bakar bin Kassim, Pengiran Umi binti Pengiran Idrus, Yang Mulia Panglima Asgar Haji Abdullah, Yang Mulia Panglima Raja Osman, Inche Chin Ah See, Inche Kon Leong Nyan, Yang Di-Muliakan Pehin Jawatan Luar Haji Abdullah bin Awang Ibrahim, Yang Di-Muliakan Pehin Ratna Setia Di-Raja Haji Mohamed Salleh bin Mudim Haji Yahya, Yang Di-Muliakan Pehin Kapitan China Lim Teck Hoo, Yang Di-Muliakan Pehin Dana Lela Inche Awang bin Haji Hanafi, Yang Di-Muliakan Pehin Bendahara China Hong Kok Tin, Yang Di-Muliakan Pehin Jawatan Bini Dayang Hajah binte Pehin Dato Imam Haji Mokti, Yang Di-Muliakan Menteri Bini Hajah Mariam binti Awang Ahmad, Yang Di-Muliakan Juru Bini Hajah Maimunah binte Abdul Ghafar, Yang Mulia Mudim Haji Ismail, Yang Mulia Dato Derma Wijaya Haji Tamit bin Aspar dan Yang Mulia Sheikh Othman bin Sheikh Hanip.

Pingat Jasa Kebaktian—Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Omar, Yang Mulia Penyurat Haji Bakar bin Jambol, Yang Di-Muliakan Pehin Penyurat Haji Hashim, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Di-Raja Awang Abdul Rahman, Yang Di-Muliakan Pehin Bendahari Md. Taha bin Bakir, Yang Mulia Orang Kaya Sura Tuba bin Talip, Yang Mulia Patteh Haji Tengah, Yang Mulia Dato' Seri Paduka Tuan Haji Mangol bin Antin, Yang Mulia Orang Kaya Kesuma Haji Tahir, Yang Mulia Orang Kaya Bandar Mohamed Dayang, Yang Mulia Orang Kaya K. Gimang anak Pariat, Yang Mulia Orang Kaya Setia Negara Sapor bin Md. Salleh, Yang Mulia Orang Kaya

Dewa Setia Di-Raja Mohamed Daud bin Dagang dan Yang Mulia O.K. Maharaja Setia Dian bin kapal.

Pingat Lama Berkhidmat — Inche Abdul Rahman bin Bakar, Inche Mohamed Hassan bin Mohamed, Pengiran Damin bin Pengiran Sunggoh, Ag. Tengah bin Ahmad, Pengiran Omar bin Pengiran Abbas, Pengiran Hidup bin Pengiran Hashim, Inche Stephen Liew, Isteri Inche Teo Kim Yeu, Puan Cecilia Keasberry, Inche Ismail bin Kalong, Puan Chong Kiaw, Pengiran Hashim bin Pengiran Metassan, Haji Momin bin Besar, Inche Mina bin Bulat, Inche Mohamed bin Haji Ismail, Pengiran Salleh bin Pengiran Mat Daud, Inche Pitan bin Ghafar, Inche Abd. Jalil bin Abdul Latiff, Pengiran Umi binti Pengiran Idrus, Inche Abdullah bin Penyurat Haji Bakar, Awang Tuah bin Haji Hitam, Inche Mohd. Som bin Hashim, Inche Sabtu bin Mohamed, Inche Idris bin Abdulrahman, Inche Suhailli bin Ahmad dan Yang Di-Muliakan Orang Kaya Paduka Setia Di-Raja Haji Abang Bujang.

PENDAFTARAN MURID2 BAHARU

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Pelajaran Negara Brunei telah mengeluarkan satu siaran pada 27 September yang lalu berhubung dengan pendaftaran murid2 yang hendak belajar di-Sekolah2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei pada tahun hadapan.

Siaran itu berbunyi bahawa semua ibu bapa yang ada mempunyai anak atau adek, atau pun kanak2 di-bawah jagaan masing2 hendak-lah mendaftarkan nama kanak2 itu kepada Guru Besar Sekolah Melayu yang dekat sa-kali di-kampung mereka bagi perskolahan tahun 1962.

Kanak2 tersebut hendak-lah berumur 6 tahun pada 1 January, 1962, ya'ni mereka yang di-lahirkan pada tahun 1956.

Borang2 permohonan belajar di-sekolah2 tersebut, boleh-lah didapati dari Guru2 Besar sekolah2 itu.

Siaran itu menyebutkan lagi bahawa sunggoh pun tarikh pendaftaran yang akhir sa-kali telah di-tetapkan pada 24 September yang lalu, akan tetapi untuk memberi peluang kepada lebeh banyak lagi murid2 belajar pada tahun hadapan, maka tarikh itu di-lanjutkan hingga ka-7 October.

DERMA MANGSA KEBAKARAN

BANDAR BRUNEI. — Sa-hingga 28 September yang lalu tabong mangsa2 kebakaran sa-buah barek kajang di-Jalan Tasek Lama pada 21 September lepas telah berjumlah \$1,325.60 termasuk derma dari Persekutuan Guru2 Melayu Brunei sa-banyak \$500.00, pegawai2 Jabatan Pelajaran dan guru2 sa-banyak \$256.00 dan pegawai2 Jabatan Ugama Bandar Brunei sa-hanyak \$119.00.

Lain2 penderma yang terdiri daripada pegawai2 dan kaki tangan jabatan kerajaan, shariat2 perniagaan dan orang2 persaorangan ia-lah saperti berikut:

Shaikh Muhammad bin Salleh, 39, Jalan Sultan Brunei sa-banyak \$10.00; Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Dato Setia Haji Md. Noor, Brunei sa-banyak \$30.00; Persekutuan Murid2 Tua Sekolah Pertukangan, d/a Jabatan Kerja Raya sa-banyak \$60.00. Persatuan Palang Merah Bahagian Bandar Brunei sa-banyak \$100.00; Pejabat Adat Istiadat Negara, Brunei sa-banyak \$36.00.

Yang Di-Hormati lagi Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Di-Gadong Haji Md. Yusuf sa-banyak \$100.00; Inche' M.U. Patel, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Brunei sa-banyak \$15.00; Pejabat Pilehan Raya, Brunei sa-banyak \$15.00; Inche' Lim Soo Jin, 67, Jalan McArthur, Brunei sa-banyak \$30.00 dan Pejabat Kadhi Besar, Brunei sa-banyak \$54.60.

Sa-lain daripada itu derma2

yang berupa pakaian dan kain2 baju juga telah di-hadiahkan oleh penderma2 yang lain. Penderma2 itu ia-lah:

Captain Muton, Jabatan Laut, Brunei mendermakan kain2 baju; Sheikh Omar Ubit, 44, Jalan sultan Brunei mendermakan kain2 20 ela; Kamil Hassan dan keluarga, 95, Jalan Chevalier, Brunei mendermakan kain2 10 ela dan Inche' O.R. Thomas, d/a Jabatan Kerja Raya mendermakan baju2 dan kasut budak2.

Ini telah di-umumkan oleh Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama yang bertindak sa-laku Pegawai Kebajikan Masharakat.

Dato Setia Pengiran Ali berkata bahawa sa-lain dari derma2 yang telah di-sampaikan kepada mangsa2 kebakaran itu mungkin akan ada lagi derma dari orang2 ramai dan persatuan2 yang bertimbang rasa atas melapetaka yang menimpa mangsa2 itu.

"Sa-takat ini itu-lah jumlah derma yang telah di-dapati. Sa-

ya berharap akan ada lagi bantuan2 dari orang2 ramai supaya dengan itu akan meringankan penderitaan yang di-tanggung mangsa2 kebakaran itu.

"Siapa2 yang ingin menderma mangsa2 kebakaran itu boleh-lah berhubung dengan Jabatan Kebajikan Masharakat," tegas beliau.

Kebakaran itu terjadi pada jam 3.30 petang yang di-perchayai akibat kawat listrik di-rumah itu putus dan angin kenchang sa-hingga tidak dapat di-padamkan serta merta oleh Pasokan Bombo dan orang ramai.

Kebakaran itu telah dapat dipadamkan pada jam 5.10 petang.

Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Maun telah datang serta merta ka-tempat kemalangan itu dan memerintahkan supaya hal itu di-ambil perhatian dan tindakan oleh Jabatan Kebajikan Masharakat dengan mengarahkan kepada Dato Setia Pengiran Ali bertindak menguruskan perkara itu.

Kerugian akibat kebakaran itu di-taksir tidak kurang daripada \$23,121.00 dan menyebabkan 34 orang tidak mempunyai rumah yang terdiri dari keluarga2 pegawai2 Pejabat Pemadam Api dan Jabatan Ukur Kerajaan.

GAMBAR2 KENANGAN SAMBUTAN DERGAHAYU D. Y. M. M. SULTAN

ALLAH LANJUTKAN USIA BAGINDA2



Duli Yang Maha Mulia kelihatan memereksa Barisan Kehormatan terdiri dari Pasukan Polis Negeri Brunei di-Istiadat Perbarisan kerana menyambut Hari Puja Usia Baginda di-Bandar Brunei pada pagi 23 September, 1961.

* * *



Baginda sedang memereksa barisan Pesotan Pandu Puteri Brunei di-Istiadat sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Maha Mulia di-Bandar Brunei pada 23 September, 1961.

* * *



Maulana Al-Sultan kelihatan mengurniakan Pingat Jasa Kebaktian kepada Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar. Dan di-bawah kiri — Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Mohamed bin Pengiran Piut (nombor dua dari kiri) sa-laku Wakil Peribadi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan pada masa di-langsungkan Istiadat Perbarisan di-padang Kuala Belait pada petang 23 September, 1961.



Duli2 Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Raja Isteri bersemayam di-Singgang Sana, Istana Darul Hana pada masa di-edakan istiadat mengadap bagi menyambut Hari Jadi Maulana Al-Sultan.



Yang Amat Berhormat Dato Setia Mar-sal bin Ma'un, Menteri Besar, Brunei ketika berucap di-Pasiban Agung Istana Darul Hana.



D.Y.M.M. kelihatan sedang mengurniakan Pingat Sultan Omar Ali Saifuddin Darjah Kedua kepada Pehin Jawatan Bini Dayang Hajjah di-Pasiban Agung Istana Darul Hana pada 23 September, 1961.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Iain2nya kelihatan di-las sa-buah pentas khas di-padang Bandar Brunei pada masa mengadhi Istiadat Perbarisan pada pagi 23 September yang lalu.

* * *




Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Mohamed sedang memereksa Barisan Kehormatan pada masa di-edakan Istiadat Perbarisan Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Maha Mulia di-padang Kuala Belait.

* * *



Duli Yang Maha Mulia telah mengurniakan Pingat Jasa Kebaktian kepada Yang Mulia Orang Kaya Setia Negara Saper bin Mohamed Salleh dan di-bawah kanan—Satu pemandangan di-Pekan Tutong pada pagi 24 September, 1961 pada masa di-langsungkan Istiadat Perbarisan kerana menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.



Rumah Pengiran Abbas yang telah menang dalam peraduan berchuchol lampu elektrik antara rumah2 (kiri) dan (kanan) bangunan Malayan Banking Ltd. yang menang dalam peraduan berchuchol lampu elektrik antara bangunan2 Saarikat2 perniagaan di-Bandar Brunei.



Titah Duli Yang Maha Mulia

"Beta menguchapkan shukor kepada Allah Subahanau Wata'ala yang telah memberikan rahmat serta taufik dan hidayah-nya kepada kita sakalian yang dapat bersama2 di-hadapan majlis perayaan hari genap usia beta yang ke-45 ini.

"Beta menguchapkan sa-tinggi2 terima kasih atas kesediaan tuan2 yang telah hadir di-Pasiban Agong dalam istiadat yang kita adakan ini.

"Dalam mengulang kaji kemajuan dan kemundoran serta pengalaman2 yang kita telah dapati sejak sa-tahun dahulu, beta sukachita menyebut beberapa perkara untuk kita sakalian memikirkan dan memenongkan apa yang telah kita buat dan kita chapai sa-lama sa-tahun ini.

"Beta sangat sukachita mendengar kemajuan2 yang telah di-perbuat dengan baik-nya oleh Kerajaan beta. Sa-bagaimana yang tuan2 telah faham bahawa pada tahun ini kita telah dapat menyempurnakan maksud hajat kita dengan mengadakan penubuhan Ashkar Melayu Brunei yang pada masa ini kita sudah pun menghantar satu rombongan Ashkar Melayu yang berlatih di-Sekolah Ashkar Melayu Di-Raja di-Persekutuan Tanah Melayu sa-ramai 60 orang dan baru2 ini satu usaha telah pun di-selenggarakan untuk mendapatkan lagi sa-ramai 200 orang Ashkar Melayu yang akan di-latih di-Persekutuan Tanah Melayu.

SHARAT KELENGKAPAN

"Pengambilan2 untuk pegawai2 Ashkar Melayu Brunei ini bukan-lah hanya sa-takat yang kita sebutkan diatas itu tetapi juga pengambilan ini akan di-teruskan beberapa kali pada masa yang akan datang dengan maksud supaya kita dapat mengadakan buat permulaan ini satu pasukan Ashkar Melayu yang lengkap sa-hingga berjumlah kepada satu ketumbokan.

"Beta perchaya ra'ayat sakalian akan sedar mengapa-kah kita mesti mempunyai Ketumbokan Ashkar Melayu ini. Sa-bagaimana yang tuan2 mengerti dengan menubuhkan Ashkar Melayu ini bukan-lah erti-nya kita hendak bersedia menghadapi merbahaya perang, tetapi maksud kita menubuhkan Ashkar Melayu ini ia-lah merupakan satu syarat kelengkapan bagi sa-buah negeri yang ingin menuju ka-arah kemajuan sa-bagaimana yang di-buat oleh tiap2 negeri yang maju.

"Sa-lain daripada penubuhan Ashkar Melayu ini, beta juga sangat sukachita mendengar kemajuan2 yang di-dapati oleh Kerajaan Brunei ia-itu dengan ada-nya kemajuan2 yang di-dapati dalam segi pentadbiran negara.

"Beberapa banyak pegawai telah pun di-beri peluang belajar dan berlatih keluar negeri untuk menyesuaikan dan melayakkan diri mereka dalam mendapatkan berbagai2 pengalaman dan ilmu pengetahuan untuk menjalankan segi2 pentadbiran dalam negeri ini.

PENTADBIR NEGARA

"Sa-lain dari itu beta juga telah mengetahui bahawa kita sekarang sedang membanyakkan pegawai2 tingkatan atas untuk mengatord dan melichinkan perjalanan pentadbiran Negeri Brunei ini.

"Baru2 ini 10 orang pelatoh pegawai pentadbir telah di-lantik. Beta perchaya dengan tambahan yang sedikit ini, orang muda yang di-lantik ini, akan dapat menyesuaikan diri mereka dalam bahagian pentadbir untuk melayakkan diri mereka sa-bagai "pentadbir negara" yang baik, sa-bagaimana yang tuan2 faham kita maseh kekurangan "pegawai2 pentadbir" yang terdapat daripada anak negeri ini.

"Usaha untuk mengatasi kesulitan2 sedang dan sudah pun di-jalankan dengan mana kita telah meminjam pegawai pentadbir yang bijak dan berpengalaman dari Persekutuan Tanah Melayu.

Di-bawah ini di-siarkan sa-penoh-nya titah Duli Yang Maha Mulia di-Pasiban Agong Istana Darul Hana pada masa menyambut Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-45 pada 23 September yang lalu.

"Usaha2 untuk mengelakkan tempat kesulitan ini ada-lah memang menjadi perhatian beta dan kerajaan beta dan beta perchaya kita semua sangat mengambil perhatian bahawa pada masa ini kita telah mempunyai beberapa orang penuntut yang sudah dan sedang belajar di-universiti2 di-luar negeri, siapa yang kita harapkan dapat pengetahuan dan kejayaan.

KEMAJUAN NEGARA

"Sa-bagai yang tuan2 faham baru2 ini sedikit perubahan pentadbiran bahagian atasan telah di-lakukan ia-itu dengan jalan beta telah mengangkat sa-orang Pemangku Menteri Besar yang baharu untuk mengambil tempat Menteri Besar yang lama yang pada masa ini sedang berchuti panjang kerana keuzorran sakit yang tidak dapat kita-elakkan.

"Beta lebeh dahulu menguchapkan tahniah pada Menteri Besar yang telah beta lantik ini dan beta perchaya beliau akan dapat melaksanakan pentadbiran Kerajaan Brunei ini dengan sempurna dan menuju ka-arah kebaikan dan sambilan itu beta berdo'a agar kesehatan Menteri Besar itu akan affiat.

"Sa-lain daripada apa yang beta sebutkan itu tadi beta merasa ada lagi beberapa kemajuan2 yang lain yang telah dapati dan sedang di-atorkan, di-antara-nya ia-lah "ranchangan kemajuan negara yang kedua" yang sudah pun berjalan dan akan di-usahkan bagi fa'edah2 yang lebeh baik lagi.

"Beta mengambil perhatian yang besar dan menumpukan harapan beta supaya segala ranchangan yang akan mendatangkan kebahagiaan kepada seluruh ra'ayat negeri ini akan dapat di-nikmati oleh kita sakalian dengan sa-baik2-nya.

SUSUNAN MASHARAKAT

"Maksud kerajaan beta bukan-lah hanya dalam ranchangan ekonomi, dalam ranchangan pelajaran negeri, dalam ranchangan kesehatan, dalam lapangan masharakat yang baik, tetapi kita juga telah mengatorkan dalam ranchangan ini untuk memperbaiki, mengembangkan keadaan2 kawasan di-dalam dan luar bandar supaya mengikut susunan masharakat dan pembahagian kawasan semporna, dan juga kita mengambil perhatian untuk memperbaiki kesenian dan kebudayaan yang telah kita rasai beberapa zaman dahulu.

"Di-dalam ranchangan kemajuan untuk fa'edah seluruh ra'ayat di-Negeri Brunei ini yang akan menggunakan perbelanjaan wang yang bermillion2 ringgit itu, beta sangat sukachita menerangkan yang perbelanjaan melengkapkan ranchangan kemajuan ini ada-lah hasil usaha2 chita2 mulia kita dengan menggunakan wang ringgit dari hasil Brunei sendiri ia-itu dengan jalan kita tidak mengkehendaki apa2 bantuan yang berupa wang daripada luar.

"Beta berbesar hati kerana Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyebutkan yang kita ini hidup mesti-lah mempunyai agama yang sa-benar-nya. Agama itu ada-lah menjadi asas hidup manusia di-dalam dunia ini kerana memang benar tiap2 agama mengajar perkara kebajikan menyuruh berusaha dan menghendakkan kemajuan dan keamanan ini terutama sekali agama Islam yang menjadi agama rasmi bagi Negeri Brunei.

"Kemajuan2 dalam agama Islam ada-lah menarek perhatian beta bu-

kan-lah hanya dengan jalan kita telah mempunyai mesjid2 yang indah di-Brunei ini, juga kita sudah membangkan beberapa buah mesjid lagi seperti di-Muara dan di-Kuala Belait, tetapi juga kemajuan2 di-segi pelajaran ada-lah nampak-nya bertambah baik dari sa-masa ka-sa-masa.

"Dalam lapangan masharakat umum beberapa tahun yang sudah kita sedang berusaha untuk memperbaiki hal kesehatan ra'ayat dalam Negeri Brunei ini. Beta sangat sukachita yang usaha2 ini telah nampak dan mendatangkan kebaikan kepada ra'ayat di-negeri ini yang mana kerajaan beta telah berusaha mendapatkan beberapa orang doktor lagi untuk melayani kesulitan2 dan untuk memberi maksud kerajaan dalam memperbaiki kesehatan ra'ayat di-seluruh negeri ini.

"Beberapa bulan yang lalu tuan2 telah pun di-beri tahu bahawa maksud Kerajaan untuk mengadakan "pilehan raya" bagi memilih Ahli2 Majlis Meshuarat Da'erah yang akan menduduki da'erah masing2 dan akan menjadi Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri dan terpaksa di-undurkan tempoh-nya daripada yang telah pun di-umumkan pada tahun yang lalu.

"Pengunduran tarikh yang di-nyatakan itu tidak bererti yang Kerajaan beta akan meniadakan "pilehan raya" untuk memilih ahli2 majlis tersebut. Pengunduran tempoh ini ada-lah disebabkan satu sebab yang tidak dapat di-elakkan.

CHINTA KEAMANAN

"Walau bagaimana pun di-nyatakan bahawa "pilehan raya" untuk ini akan di-adakan pada tahun hadapan tidak lewat dari bulan October, 1962.

"Beta berharap ra'ayat sakalian akan bersedia menunggu-nya kerana so'al ini sa-belum menjalankan apa2 tindakan mesti-lah kita bersabar dan supaya kita akan dapat mengikuti kata hikmat yang telah di-tutorkan oleh orang tua2 yang berkata "biar lambat asalkan selamat".

"Sa-bagaimana yang pernah beta ulangi dalam ucapan2 beta yang sudah2 bahawa masharakat Brunei ini ada-lah sentiasa menchintai hal keamanan dan kema'amoran. Beta berharap supaya rukun hidup chita2 kita yang mulia ini akan sentiasa di-sanjong tinggi dari sa-genap lapisan ra'ayat yang hidup di-dalam Negeri Brunei ini dan juga kita bukan hanya sa-bagai satu bangsa yang mempunyai perasaan dan tingkah laku yang merupakan semangat perwira dan peramah tetapi mempunyai budi tutor kata dan baik hati.

"Beta berharap keadaan chorak hidup ini akan menjadi satu ingatan dari hitungan kepada ra'ayat sakalian supaya kita di-kenali sa-bagai bangsa yang mempunyai semangat yang jujur dan berbudi bahasa yang baik dan baik hati dan kita ra'ayat di-negeri ini ada-lah orang yang hidup mempunyai agama.

"Beta perchaya masing2 ra'ayat mengikut kepercayaan agama, menchintai ajaran2 agama serta mengamalkan ajaran2 dan rukun2 yang telah kita ta'ati itu, hendak-nya tuan2 sentiasa chintai dan amalkan surohan2 ajaran2 agama itu kerana ajaran agama ada-lah sentiasa memimpin kepada jalan yang mendatangkan kebajikan dan manfaat bagi manusia yang hidup di-dunia ini.

"Akhir sa-kali beta sangat sukachita dan mengharapakan supaya ra'ayat dari segala lapisan mahu pun dari pada kaum tani, kaum nelayan, kaum buroh, kaum majikan, pegawai2 Kerajaan, tuan2 hendak-lah merasai dan mengenali tanggung jawab diri masing2. Tanggung jawab masing2 ada-lah berat dan sulit.

SETIA KAPADA BANGSA

"Tetapi tuan2 sakalian hendak-lah melaksanakan dan membaktikan dengan jalan ikhlas dan jujur, hendak-nya sa-tiap ra'ayat mengenali walau dia sa-bagai buroh kasar tetapi kewajipan yang telah di-buai-nya bukanlah sa-mata2 merupakan yang dia itu hanya buroh tetapi hendak-lah di-sedari perbuatan buroh yang di-kerjakan itu ada-lah dia menunjukkan bakti ta'at setia kepada bangsa dan tanah ayer kerana dengan jalan ini dia telah membuat satu jasa kepada bangsa dan tanah ayer, bagitu-lah sa-terus-nya sa-tiap peringkat ra'ayat mempunyai kewajiban dengan dasar yang bukan hanya sa-mata2 bekerja kerana di-suruh buat oleh ketua2, oleh yang di-dapatinya tetapi bekerja dengan ikhlas dan mereka buat pekerjaan itu ada-lah satu usaha yang telah di-tunjukkan dalam membaktikan dan mengabdikan diri kepada bangsa dan negeri tuan2.

"Akhir sa-kali beta menguchapkan terima kasih kepada ucapan2 dari Tuan Pesuruhjaya Tinggi British, Duli Wazir, serta ucapan sumpah ta'at setia dari Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga ucapan2 yang telah di-sampaikan oleh wakil2 persekutuan dan yang lain2 yang mana telah beta perhatikan dan beta menaruh perhatian yang baik dan menguchapkan terima kasih atas kehadiran tuan2 sakalian dan beta berdo'a kepada Allah Subahanau Wata'ala supaya akan sentiasa memberi rahmat dan pertunjuk taufik dan hidayah moga2 tuan2 sakalian akan dapat membuat surohan Allah menuju chita2 keamanan dan kesejahteraan bagi fa'edah Negeri Brunei dan ra'ayat yang terus menuju ka-arah kemajuan dan kema'amoran serta keamanan."

PAMERAN LUKISAN

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'uh, Menteri Besar Brunei telah membuka dengan rasmi-nya Pameran Lukisan dan Gambar di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 23 September, 1961.

Pameran itu telah di-adakan sa-bagai salah satu acara sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Sa-lepas memberi ucapan dan mengishtiharkan pembukaan rasmi pameran tersebut, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menyampaikan hadiah2 kepada pelukis2 dan juru2 gambar yang berjaya.

Turut memberi ucapan di-majlis tersebut ia-lah Chegu Mohamed Hussain bin Mohamed Yusof, Pengurusi, Pameran Lukisan dan Gambar, Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia.

SUKAN SEKOLAH2 MELAYU SA-NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Sekolah2 Melayu Daerah Belait telah menjadi johan dalam pertandingan akhir sukan Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei yang telah di-langsungkan di-padang Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei pada petang hari Ahad yang lalu.

Sekolah2 Melayu Daerah Tutong telah menjadi naib johan, manakala Sekolah2 Melayu Brunei Satu (Bandar Brunei) telah mendapat gelaran yang ketiga.

Temasha tersebut telah di-mulai pada pukul 2 petang dengan mengadakan Barisan Kehormatan. Semua pasukan yang mengambil bahagian telah berbaris masuk ka-padang dengan chergas dan Barisan Kehormatan disambut oleh Yang Berhormat Inche Idris bin Babjee, Pegawai Pelajaran Negara, Brunei.

Kemudian Inche Idris di-perkenalkan kepada Ketua2 Pasokan. Acara itu di-turut dengan mengadakan nyanyian Lagu Kebangsaan Brunei oleh murid2 yang mengambil bahagian, bendera Brunei di-naikkan dan chogan temasha sukan itu di-bacha-

kan oleh Chegu Abdul Samad Kahar.

Sa-lepas itu murid2 lelaki dari Sekolah Melayu S.M.J.A. telah mempersembahkan Tarian Zapin dengan di-ketuai oleh Chegu Yusof Mohamad dan murid2 perempuan dari Sekolah Melayu R.I.F. pula mempersembahkan Tarian Selindang di-bawah arahan Chegu Dayangku Saifah binti Pengiran Wahid.

Semua-nya 40 macham perlumbaan dan pertandingan telah di-jalankan. Peserta2 yang mengambil bahagian itu telah di-pilih dalam Temasha Sukan yang telah di-adakan di-antara Seko-

lah2 Melayu di-daerah masing2.

Sa-telah selesai acara tersebut ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Inche Abdi Manaf bin P.H. Bakar, sa-laku Pengerusi temasha sukan itu dan oleh Yang Berhormat Inche Idris bin Babjee. Hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Inche Idris.

Keputusan tiap2 bahagian dalam temasha sukan tersebut adalah seperti di-bawah ini:

MURID2 LELAKI

Murid2 lelaki (Besar): 1. Belait — 29 mata; 2. Brunei Satu (Bandar Brunei) — 26 mata; 3. Tutong — 12 mata; 4. Temburong — 11 mata dan 5. Brunei Dua (Luar Bandar) — 6 mata.

Murid2 lelaki (Kecil): 1. Brunei Satu — 16 mata dan Tutong — 16 mata. 2. Belait — 15 mata. 3. Brunei Dua — 12 mata dan 4. Temburong — 7 mata.

Murid2 perempuan (Besar): 1. Belait — 16 mata. 2. Tutong — 11 mata. 3. Brunei Satu — 5 mata; Brunei Dua — 5 mata dan Temburong — 5 mata. Murid2 perempuan (Kecil): 1. Tutong — 15 mata. 2. Brunei Dua — 14 mata. 3. Belait — 10 mata. 4. Brunei Satu — 3 mata dan 5. Temburong — 0.

Jumlah besar: 1. Sekolah2 Melayu Daerah Belait mendapat 70 mata. 2. Sekolah2 Melayu Daerah Tutong mendapat 54 mata. 3. Sekolah2 Melayu Brunei Satu mendapat 47 mata. 4. Sekolah2 Melayu Brunei Dua mendapat 37 mata dan 5. Sekolah2 Melayu Daerah Temburong mendapat 23 mata.

BOLA SEPAK PIALA BORNEO

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan bola sepak untuk merebutkan Piala Borneo Bahagian Sa-paroh Akhir akan di-langsungkan di-Kuching di-antara pasukan2 Brunei dan Sarawak.

Kedua2 pasukan tersebut akan bertemu dalam pertandingan akhir di-Bandar Brunei.

Hingga ka-sa'at membuat berita ini, PELITA BRUNEI belomlah mengetahui dengan rasmi tarikh2 yang tepat di-adakan pertandingan2 tersebut.

Bagaimana pun, ada-lah di-fahamkan bahawa pasukan bola sepak dari Negeri Brunei akan berlepas dengan kapal terbang ka-Kuching untuk melawan pasukan bola sepak Negeri Sarawak sa-belum pertengahan bulan ini.

PERADUAN KERETA BERTAMBAH

BANDAR BRUNEI. — Perisai rebutan tahunan bagi peraduan kereta bertamabah kerana sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan kali yang ke-45 telah di-menangi oleh Jabatan Kerja Raya bahagian bangunan pada tahun ini.

Pada tahun yang lalu perisai tersebut telah di-menangi oleh Jabatan Kerja Raya bahagian workshop.

Sa-banyak lima pasukan sahaja yang mengambil bahagian dalam peraduan tersebut.

Yang berjaya memenangi hadiah2 yang kedua dan ketiga ialah pasukan Pejabat Ukur dan Jabatan Kerja Raya bahagian Workshop.

Hadiah2 sagu hati telah juga di-berikan kepada pasukan2 yang turut serta mengambil bahagian yang terdiri dari pasukan2 Pejabat Pertanian dan Pertubuhan Bunyi2an Koon Seng.

PERADUAN KENAIKAN LAUT

BANDAR BRUNEI. — Kenaikan Laut dari Kampong Sungai Pandan "B" telah berjaya memenangi perisai rebutan tahunan dalam peraduan Perarakan Kenaikan Laut bagi meraikan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan kali yang ke-45 yang telah di-langsungkan di-Sungai Brunei berhadapan dengan tambatan kastam pada malam 24 September lepas.

Pada tahun lalu perisai tersebut telah di-menangi oleh Kenaikan Laut dari Kampong Bakut Berumput.

Manakala Kenaikan Laut dari Jabatan Kerja Raya, bahagian workshop telah berjaya memenangi hadiah yang kedua dan hadiah yang ketiga di-menangi oleh Kenaikan Laut dari Kampong Saba Ujong.

Sungguh pun hanya tiga pasukan sahaja yang mengambil bahagian dalam peraduan tersebut, tetapi sambutan dari para penun-

ton ada-lah lebih meriah dari tahun2 yang lalu.

Sa-sudah peraduan di-tamatkan, satu persembahan tablo "Pengiran Bendahara Sakam" telah di-langsungkan di-atas pentas sa-buah ponton oleh pemuda pemuda Brunei.

Tablo yang berkepalakan "Pengiran Bendahara Sakam" itu dipadankan dari buku "Sejarah Brunei" karangan Yura Halim dan Jamil Umar dan di-jadikan cerita tablo oleh Inche' Mohammad Sarudin.

PERADUAN BERCHUCHOL

BANDAR BRUNEI. — Rumah Pengiran Abbas bin Pengiran Haji Besar, Kampong Bunut Batu 6, Jalan Tutong telah berjaya memenangi piala hadiah daripada Yang Berhormat Dato Setia Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad bagi peraduan berchuchol lampu elektrik bahagian rumah2 kerana sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan kali yang ke-45 tahun ini.

Hadiah2 kedua dan ketiga telah di-menangi oleh rumah Pengiran Ahmad bin Pengiran Md. Daud, Kampong Bunut Batu 5, Jalan Tutong dan rumah Pengiran Merali bin Pengiran Momin, Kampong Bakut Si-Raja Muda, Brunei.

Manakala hadiah2 sagu hati telah juga di-berikan kepada rumah2 Inche' Salleh bin Daud, Kampong Kumbang Pasang; Inche' Safar bin Nudin, Kampong Kumbang Pasang; Haji Bakar bin Awang Rendah, Kampong Sungai Pandan; Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit, Kam-

pong Kumbang Pasang dan Inche' Ahmad bin Ghani, Kampong Telanai, Jalan Tutong Brunei.

Bahagian bangunan2 perniagaan dalam peraduan berchuchol lampu elektrik yang telah di-langsungkan pada malam 23 September lepas, bangunan Malayan Banking Limited telah berjaya memenangi hadiah pertama.

Bangunan Hongkong and Shanghai Banking Limited dan bangunan Pejabat Wakil Shari- kat Minyak Shell, Seria di-Brunei telah memenangi hadiah2 yang kedua dan ketiga.

Mister dan Miss Brunei



Pemenang2 peraduan Mister dan Miss Brunei yang telah di-adakan di-Bandar Brunei pada bulan lalu.

Dari kiri Inche Lim Chong Yean — Mister Brunei 1961; Puan Catharine Loh — Miss Brunei 1961 dan Inche Yunus bin Tudin, Junior Mister Brunei 1961.

KEPALA STAFF A.U.D.I. MELAWAT BRUNEI

ANDUKI. — General Sir Nigel Poett, Kepala Staff, Angkatan Udara Diraja Inggeris di-Timor Jauh telah tiba di-lapangan terbang Anduki pada pagi hari Sabtu yang lalu dengan kapal terbang Angkatan Udara Diraja Inggeris.


Beliau telah tiba bersama2 dengan Tuan D.C. White, Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei sa-telah mengambil bahagian dalam Persidangan Wilayah2 Borneo di-Kuching.

Mereka telah di-sambut ketika tiba di-lapangan terbang tersebut oleh Tuan G. Williams, Pemangku Pengarah Sharikat Minyak Brunei Shell dan oleh beberapa orang Pegawai2 Kerajaan.

Kepala Staff, Angkatan Udara Diraja itu dengan di-iringi oleh Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei telah melawat ka-kawasan telaga minyak di-Seria dan mengadap Duli Yang Maha Mulia di-Istana Darul Hana pada hari Sabtu. Mereka telah melawat ka-beberapa tempat di-Daerah Brunei di-antara-nya ia-lah ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin, tempat membuat barang2 perak dan ka-Kampung Ayer pada hari Ahad yang lalu.

General Sir Nigel Poett telah memeriksa Barisan Kehormatan terdiri dari Pulis Brunei di-rumah Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris

pada pagi hari Ithnin lepas dan berangkat ka-lain negeri dengan kapal terbang Angkatan Udara Diraja Inggeris pada hari itu.



Wakil2 Negeri Brunei yang menghadhiri persidangan Surohanjaya Persekutuan bagi Asia dan Timor Jauh di-bawah anjuran pertubuhan Bangsa2 Bersatu di-New Delhi India mulai dari 26 September hingga 3 October, 1961.

Dari kiri — Dr. G. S. Gould, Y.B. Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Inche Sa'ad bin Marzuki dan Pengiran Ahmad bin D.P.B. Haji Mohamed Yassin.

Menghadhiri Pembukaan Sekolah Sang Nila Utama

BANDAR BRUNEI. — Penuntut2 tahun tiga Maktah Perguruan Melayu Brunei akan melawat ka-Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu pada bulan ini.

Rombongan itu mengandungi 24 orang akan di-ketuai oleh Chegu Othman bin Bidin, Pengetua, Maktah Perguruan Melayu Brunei dengan di-bantu oleh Chegu Ali Aduka, sa-orang pensharah maktah tersebut.

Mereka di-jadualkan belayar dari Brunei ka-Labuan pada pagi hari Ithnin 9 October hadapan

dengan sa-buah kapal Kerajaan Brunei dan dari Labuan akan belayar ka-Singapura dengan kapal Kimanis.

Chegu Othman dan Chegu Ali pula di-jadualkan berlepas ka-Singapura dengan kapal terbang pada hari Rabu 11 October.

Pada malam 14 October, para pelawat dari Brunei itu akan menghadhiri istiadat pembukaan rasmi Sekolah Menengah Melayu Sang Nila Utama di-Singapura.

Para pelawat itu akan melawat ka-Sekolah Polyteknik dan ka-beberapa buah sekolah sa-masa berada di-Singapura.

Kemudian mereka akan berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu. Di-sana mereka akan melawat ka-Maktah Perguruan Bahasa dan ka-Maktah Ilmu Khas di-Kuala Lumpur; Sekolah Tuanku Abdul Rahman di-Ipoh; Maktah Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim; Maktah Perguruan, Pulau Pinang dan ka-lain2 tempat di-pantai barat Persekutuan Tanah Melayu.

Penuntut2 tahun tiga Maktah Perguruan Melayu Brunei itu dan Chegu Ali Aduka akan belayar dari Singapura ka-Brunei pada 27 October, manakala Chegu Othman bin Bidin akan balek ka-Brunei dengan kapal terbang pada 28 October.

WAYANG GAMBAR JABATAN PENERANGAN

BANDAR BRUNEI. — Tarikh2 dan tempat2 pertunjukan wayang gambar Jabatan Penerangan Kerajaan Brunei di-Daerah2 Brunei, Muara, Tutong, Temburong, Belait dan Seria pada bulan ini ada-lah saperti berikut:

4 October—Sekolah Melayu Masin, Brunei.

5 October—Sekolah Melayu Limau Manis, Brunei dan Kampung Sungai Lumut, Belait.

7 October—Kampung Mata2 Jalan Gadong, Brunei dan Kampung Sungai Taraban, Belait.

9 October—Sekolah Melayu Sungai Hanching, Brunei.

10 October—Sekolah Melayu Muara dan Lorong 14, Panaga, Seria.

11 October—Royal Brunei Yacht Club, Brunei

12 October — Kampung Delima,

Berakas dan Kampung Sungai Damit, Ulu Belait.

14 October—Kampung Pasir, Berakas, dan Kampung Danau, Tutong.

16 October—Sekolah Melayu Puni, Temburong dan Bukit Puan, Ulu Belait.

17 October—Sekolah Melayu Bukok, Temburong dan Sekolah Melayu Rampayoh, Ulu Belait.

18 October—Sekolah Melayu Kenoa, Temburong dan Sekolah Melayu Baru, Simpang Labi, Ulu Belait.

19 October—Kampung Berbunut, Tutong.

21 October — Kampung Lorong Sikuna, Kampung Ayer, Brunei dan Kampung Sungai Liang, Belait.

23 October—Sekolah Melayu Tan-

jong Maya, Tutong dan Kampung Bukit Sawat, Ulu Belait.

24 October—Sekolah Melayu Layong Tutong dan Kampung Melilas, Ulu Belait.

25 October — Sekolah Melayu Ukong Tutong dan Kampung Dungun, Ulu Belait.

25 October—Sekolah Melayu Rambai, Tutong.

28 October—Kampung Saba Tengah, Kampung Ayer, Brunei dan kawasan Kilang Penapis Ayer, Badas, Seria.

30 October—Maktah Perguruan Melayu, Berakas, Brunei dan Klab Pemuda, Seria.

31 October—Sekolah Melayu Jerudong dan Kampung Tumpuan Telisai, Tutong.


Tiap2 pertunjukan wayang gambar tersebut di-mulai pada pukul 7.30 malam.

Bangunan Baharu Dewan Bahasa

KUALA LUMPUR. — Bangunan baharu Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah di-bena semenjak sa-tahun yang lalu dengan perbelanjaan sa-banyak \$850,000 akan di-buka dalam bulan November hadapan.

Bangunan yang indah itu adalah terletak di-Edinburgh Circus, Kuala Lumpur dan tingginya ia-lah lima tingkat.

Ia akan mengandungi antara lain2, sa-buah khutub khanah berisi sa-banyak kira2 200,000 buku2 yang akhir-nya akan di-jadikan sa-bagai sa-buah Khutub Khanah Kebangsaan untuk pengajian Melayu.



Satu pemandangan pada masa berlaku kebakaran di-Bandar Brunei pada 21 September, 1961.

Dalam gambar ini kelihatan anggota2 Perkhidmatan Bomba Brunei dan orang ramai berusaha dengan bersungguh2 untuk memadamkan api itu.

TEMASHA MEMBANTU DERMA KEBAKARAN

BANDAR BRUNEI. — Radio Brunei akan mempersembahkan Malam Anika Warna bertempat di-dewan Maktah S.O.A. S. Bandar Brunei pada malam ini untuk mengutip derma bagi membantu mangsa2 kebakaran yang berlaku di-sini pada 21 September yang lalu.

Temasha itu akan di-mulai pada pukul 7 malam dengan mengadakan persembahan musik oleh Pancharagam Pulis Brunei selama sa-tengah jam.

Sa-lepas itu akan di-adakan temasha Anika Warna mengandungi berbagai2 jenis penghibran, saperti tarian2, nyanyian, lawak jenaka, tablo dan lain2-nya.

Tiket2 berharga \$3, \$2 dan \$1 boleh dapat di-beli di-Pejabat Radio Brunei pada hari ini dan di-dewan Maktah S.O.A.S. pada malam ini.